

Nasib Orang Asli Suku Batek

Di sebalik kontroversi Kuala Koh yang perlu diambil iktibar oleh pelbagai pihak

MUKADIMAH

AZALINYA kita tahu, dalam hutan sekiranya terdapat perkampungan Orang Asli, maka jika berlaku pengebangan hutan berleluasa, pastinya akan memberi kesan kepada kehidupan Orang Asli itu sendiri.

Baru-baru ini dilaporkan aktiviti pengebangan hutan berhampiran Taman Negara Kuala Koh didakwa mengancam kehidupan Orang Asli di situ, antaranya mereka terputus bekalan air bersih dan aktiviti pertanian yang diusahakan mereka selama ini turut musnah serta berlaku pelbagai kerusakan termasuk pencerobohan kubur adat Benarkah seperti didakwa? Untuk kesahihan, penulis bertemu sendiri dengan beberapa Orang Asli di sana bersama sukarelawan dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan bantuan aktivis yang hanya mahu dikenali sebagai Dome. Ikuti kisahnya.



Ketika tinjauan *Sinar Harian* minggu lalu, terdapat beberapa longgokan kayu balak depan jalan masuk ke Kampung Orang Asli Kuala Koh.

ANITA ABU HASAN

GUA MUSANG — Seorang penduduk di Kampung Orang Asli Kuala Koh, Papan Majid, 30-an sawu menceritakan penerpatan mereka kini terancam akibat penerokaan tanah serta pengebangan pokok berhampiran Taman Negara sejak Oktober tahun lalu.

Menurutnya, bekalan air terputus menyebabkan penduduk penerpatan di sini susah dapat air bersih hingga mereka terpaksa menggunakan sumber air dari parit di kawasan ladang kelapa sawit berhampiran untuk mandi dan memasak sedangkan mereka bimbang ia kotor atau mungkin juga terdedah bahan kimia dari ladang kelapa sawit berdekatan.

"Kami tak ada air bersih. Ini masing-masing kami sekarang," katanya.

Penulis sendiri meninjau parit tersebut, kira-kira satu kilometer dari penerpatan mereka. Benar, lokasi parit di dalam semak itu berhampiran ladang kelapa sawit. Teoriinya, jika difikirkan, seandainya hujan, air tanah yang mungkin mengandungi bahan

kimia, turun ke dalam parit dan inilah yang dibimbangi mereka. Selain itu, setiap hari mereka berjalan satu kilometer untuk mengambil air parit.

Seorang lagi penduduk, Johan Taun, 40, mendakwa sejak aktiviti penerokaan itu, pendapatan dan makanan Orang Asli terjejas.

"Sumber pendapatan kami dari hutan. Kami cari makanan hutan. Pucuk kayu, pucuk paku, umbut kayu dan ubi. Tapi bila hutan ditebang, kami susah cari makanan. Bergantung rantaikan saja. Tapi bila hujan, kami tak dapat ikan. Jadi kami selalu putus punca makanan," katanya.

Wanita Orang Asli, Rosnah merintih apabila dia sekeluarga hampir setiap hari makan nasi putih bercampur garam.

"Kalau tak dapat tangkap ikan, makan nasi lauk garam saja. Beras pun sikit dalam simpanan. Kalau beras habis, aku sekeluarga makan ubi takup. Nak cari makanan di hutan sudah susah sebab pokok banyak ditebang. Jadi pagi, petang, malam aku makan nasi lauk garam," katanya.

Habsah pula berkata, dia dan ke-



Wanita Orang Asli sedang memasak nasi putih untuk dirmakan dengan garam.

luarga tidak lagi hidup selesa akibat pengebangan hutan berdekatan.

"Hutan dah rosak, makanan kami rosak. Kalau tak dapat ikan, kami makan nasi dan garam saja. Tambah susah bila hujan," katanya.

Atas kekangan bahasa, Orang Asli tidak pandai bercakap mendayu-dayu. Mereka terus terang mengenai kesusahan mereka apabila hutan sekelling ditebang. Namun dari

sini tidakkah boleh kita lihat, yang pengebangan hutan di situ, mengganggu kehidupan mereka?

Atas kedaifan mereka itu sendiri, mana mungkin mereka boleh melawan pihak tinggi taraf sosialnya terutama si tauke syarikat balak. Jadi di sini, lihatlah perkaian antara hutan ditebang dan penempatan Orang Asli itu. Tidakkah mereka perlu perlindungan kita bertamadun ini?



Papan menunjukkan air parit digunakan yang dikhawatir kotor.

Seorang kanak-kanak Orang Asli sedang makan ubi takup ketika kunjungan sukarelawan.